

Pembangunan tak terancang punca banjir

» Penduduk beberapa kampung di Bayan Lepas rugi harta benda setiap kali bah

Oleh Mohd Hilmi Mahmud
bhnews@bh.com.my

Georgetown

barat mimpi ngeri, itulah yang terpaksa dihadapi lebih 50 penduduk di Bayan Lepas, di sini, apabila terpaksa berhadapan dengan musibah banjir setiap kali hujan lebat melanda kawasan berkenaan.

Pembangunan yang tidak dirancang, selain sistem perparitan yang tidak diselenggara, menjadi punca penduduk sering menghadapi banjir kilat sejak lima tahun lalu.

Penduduk, Johari Ismail, 55, berkata setiap tahun kediamannya akan dimasuki air berikutan air sungai yang melimpah, kesan aktiviti pengorekan pasir sungai.


Setiap kali hujan lebat pada waktu malam, beliau sekeluarga tidak dapat tidur lena dan bimbang kerana air sungai akan melimpah masuk ke dalam rumah.

Berjaga sehingga hujan berhenti

"Ditambah pula dengan keadaan ibu yang sakit dan sukar bergerak, membuatkan saya tidak tidur dan terpaksa berjaga sehingga hujan berhen-



Mazlan Ghazali membuang lumpur di hadapan rumahnya di Batu Maung selepas dilanda banjir lumpur.



Mahani Othman (kiri) dibantu anaknya, Sharil Jailani membersihkan kawasan rumah yang dimasuki air banjir di Kampung Masjid, Teluk Kumbar. (FOTO RAMDZAN MASIAM/BH)

ti," katanya yang sudah menetap di Kampung Masjid, Teluk Kumbar, di sini, sejak 50 tahun lalu.

Bagi Abu Hassan Ariffin, 66, beliau pernah berhadapan situasi genting apabila rumahnya dimasuki air sehingga ke paras dada, dua tahun lalu.

Katanya, beliau terpaksa menanggung kerugian ribuan ringgit berikutan semua barangan kelengkapan ru-

mahnya musnah akibat banjir.

Air naik paras dada

"Dua tahun lalu, air melimpah masuk sehingga ke paras dada dan mujur kami diselamatkan anggota bomba.

"Banjir yang berlaku kali ini tidak seteruk sebelum ini, namun barang elektrik seperti peti ais, mesin basuh dan televisyen memang ti-

dak dapat diselamatkan," katanya.

Dalam kejadian baru-baru ini, lebih 20 keluarga dari Kampung Suluk, Kampung Nelayan, Kampung Masjid dan Kampung Paya, di sini, dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan Perda Teluk Kumbar akibat paras air naik melebihi 700 meter, selepas hujan lebat lebih empat jam.